

10 OCT 1999

Abdullah-Umno

MAJLIS TERTINGGI TIDAK BINCANG HAL PEGAWAI PARTI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam tidak membincangkan sebarang perkara perjawatan dalam parti, kata naib presidennya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kita tidak bincang apa-apa pun berkaitan dengan kakitangan ataupun pegawai-pegawai parti," kata beliau ketika menjawab soalan pemberita pada persidangan akhbar selepas merasmikan mesyuarat agung perwakilan Kobena di sini.

Abdullah yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden parti mengulas laporan muka depan The New Straits Times hari ini yang menyebut kempen besar-besaran memerangi fitnah dan pembbohongan pihak pembangkang akan diterajui oleh ketua penerangan baru yang akan mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Dr Yusof Nor.

Akhbar berbahasa inggeris berkenaan juga berkata pengganti yang disebut-sebut itu ialah wakil rakyat Yan Datuk Badrudin Amiruldin, ketua penerangan Umno Kedah.

Mengenai kemungkinan perkara itu berlaku, Timbalan Perdana Menteri berkata: "sebenarnya saya belum dengar apa-apa berita dan belum ada apa-apa cakap lagi mengenai perkara ini."

"Lebih baiklah kita tidak buat sebarang spekulasi mengenainya," kata beliau.

Mengenai arahan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Pergerakan Wanita Umno melipatgandakan kempen memastikan pengundi wanita tidak diperdaya oleh dakwah pembangkang, Abdullah berkata: "nasihat yang diberi Perdana Menteri itu sudah dianggap sebagai satu perkara yang sewajarnya kerana wanita memainkan peranan begitu penting dalam jentera BN."

Katanya: "wanita yang menjadi perayu undi telah terbukti keberkesannya dan saya yakin pada kali ini wanita akan sekali lagi membuktikan keberkesanan mereka menjalankan kempen bagi pihak BN."

Mengenai ciri baru kad pengenalan yang mencatatkan agama seseorang, beliau berkata: "ia bukan satu isu sekarang...bukan satu isu yang mendapat perhatian."

Beliau berkata "tidak ada sebarang niat atau sebarang dasar terselindung untuk melakukan sebarang diskriminasi" dengan meletakkan ciri baru itu.

Abdullah berkata ia dilakukan atas sebab-sebab praktikal termasuk kes kematian kerana agama seseorang itu penting untuk diketahui kerana nama sahaja tidak cukup untuk membuat kesimpulan bagi menentukan agama.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata sebenarnya ini adalah keputusan kabinet yang telah lama dibuat tetapi baru sahaja dilaksanakan.

"Keputusan dibuat setelah mengadakan perbincangan di kalangan menteri-menteri kabinet yang berbilang kaum dan agama," katanya.

Dalam ucapannya, Abdullah berkata kerajaan akan terus memberi bantuan kepada Kobena supaya usaha yang diceburinya berjaya.

Beliau berkata Kobena perlu dibantu kerana kerajaan masih menganggap ini sebagai projek belia yang unggul tetapi menasihatkan supaya politik pengurusan dikurangkan untuk tidak menjejaskan kemajuan pertubuhan itu.

Abdullah juga berkata penglibatan Kobena dalam industri teknologi maklumat adalah tepat kerana ia adalah satu-satunya industri yang pesat berkembang dan diminati golongan belia.

Pengerusi eksekutif Kobena Datuk Dr Mohamed Fuad Ahmad berkata syarikat

kumpulan Kobena baru-baru ini telah menerima surat hasrat daripada Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) untuk menjadikan Kobena pembekal "Y2KAD.2000", satu kaedah mengatasi masalah Y2K bagi komputer peribadi.

Kobena juga berhasrat mewujudkan sebuah perkampungan bestari dengan usahasama sebuah syarikat tempatan di Manjung, Perak.

-- BERNAMA

GM RON